



ALAHAN TIADA PENAWAR

MSAI mulakan inisiatif Negara Bebas Alahan menerusi pendekatan kenal pasti, diagnosis

FOTO GHAZALI KORI

Oleh Hidayatul Akmal Ahmad
hidayatulakmal@
hmetro.com.my

Di Malaysia, dianggarkan empat dalam setiap lima kanak-kanak berisiko menghidap alahan apabila kedua-dua ibu bapa mereka didapati menghidap penyakit itu. Alahan kini semakin berlaku hingga ke tahap epidemik kerana tiada penawar.

Bagi menangani kebimbangan umum tentang isu alahan yang semakin meningkat, Persatuan Alergi & Imunologi Malaysia (MSAI) telah memulakan inisiatif Negara Bebas Alahan (Allergy Free Nation) pada peringkat kebangsaan.

Inisiatif ini bertujuan mengubah landskap alahan di Malaysia di samping menumpukan perhatian kepada bagaimana alahan dikejali pasti serta didiagnosis.

Ketua Penyiasat Kajian Selidik, Prof Dr Intan Hakimah Ismail, berkata kajian selidik berkenaan menyasarkan 10,000 responden berusia 22 hingga 40 tahun termasuk lelaki dan wanita untuk menilai hubung kait mereka dengan alahan di peringkat individu.

"Kajian selidik ini dijalankan di lebih 250 klinik



“Betapa ironinya apabila sesuatu yang pada mulanya adalah mekanisma pertahanan sistem imun diri kini adalah salah satu daripada penyakit kanak-kanak yang semakin lazim”

AMIR HAMZAH

pediatrik dan pakar sakit puhan seluruh negara, 40 pusat perkembangan dan kanak-kanak di sekitar Lembah Klang.

"Soal selidik boleh disertai secara dalam talian di laman sesawang MSAI, www.Allergy-FreeNation.com," katanya pada Pelancaran Inisiatif Penting Ke Arah Negara Bebas Alahan, di ibu negara, baru-baru ini.

Menurutnya, data yang dikumpul akan dianalisis oleh pasukan pengkaji di Universiti Putra Malaysia (UPM) bawah bimbingan Dr Intan Halimah dan hasil kajian selidik dijangka akan diumumkan oleh MSAI pada Minggu Alahan Sedunia yang berlangsung pada 4 hingga 10 April 2016.

Katanya, kajian itu juga bermatlamat mengetahui tahap kesedaran orang ramai terutama ibu bapa mengenai penyakit alahan kerana mereka memainkan peranan penting untuk mencegah penyakit berkenaan.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), lebih 300 juta orang menghidap sekurang-kurangnya satu alahan di seluruh dunia.

Asma adalah alahan kronik kanak-kanak paling lazim ditemui dengan tujuh juta dalam kalangan mereka terjejas akibat penyakit itu.



Di benua Asia sahaja, peningkatan penyakit berpunca daripada alahan adalah sangat signifikan sejak 10 tahun lalu dengan peningkatan kes asma daripada 0.8 peratus kepada 29.1 peratus manakala kes alahan resendum meningkat daripada lima peratus kepada 45 peratus dalam tempoh sama. Angka ini dijangka terus meningkat, namun faktor penyebab peningkatan ini masih belum ditemui.

Presiden MSAI, Datuk Amir Hamzah Abdul Latiff pula menjelaskan, walau pun penyakit yang berpunca daripada alahan semakin menular, potensi penemuan

hasil penyelidikan dihalang oleh kekurangan data untuk memastikan tahap kesedaran masyarakat mengenai isu ini.

Dilema ini kemudian mengakibatkan orang ramai tidak mengetahui mengenai alahan sehingga seseorang yang dekat dengan mereka seperti anak atau ahli keluarga menderita disebabkan penyakit ini.

"Kes alahan semakin meningkat menandakan semua orang mempunyai risiko menghidapinya. Negara Bebas Alahan adalah ikrar berani tetapi kami di MSAI percaya ia boleh dicapai apabila kami lebih me-

lahami rakyat negara ini dan hubung kait dengan situasi alahan. Untuk menjadikannya suatu realiti, kita harus bermula dari sekarang.

"Betapa ironinya apabila sesuatu yang pada mulanya adalah mekanisma pertahanan sistem imun diri kini adalah salah satu daripada penyakit kanak-kanak yang semakin lazim."

"Bukan itu saja, ia turut menjelaskan kualiti hidup seseorang. Kesimpulannya alahan adalah keceluaran pengaturcaraan sistem imun yang boleh mendatangkan kesan buruk," kata-